



Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri sawit

TERBIT PADA SABTU MINGGU PERTAMA SETIAP BULAN

2 APRIL 2011



e-mail:beritasawit@mpob.gov.my

Oleh Che Johari Mamat
njohari@mpob.gov.my

MPOB adakan taklimat NKEA sawit kepada Ahli Parlimen

Taklimat maklumkan perkembangan industri sawit dan pelaksanaan EPPs

B ANGI: MPOB mengadakan majlis taklimat mengenai Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional Backbenchers Council' (BNBBC) bagi memaklumkan perkembangan semasa industri sawit dan pelaksanaan Entry Point Projects (EPPs) di bawah NKEA sawit.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok semasa berucap pada majlis itu berkata, kemajuan industri sawit menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dan peningkatan taraf sosio-ekonomi penduduk luar bandar.

"Keluasan tanaman sawit mencecah 4.85 juta hektar atau 71 peratus kawasan pertanian negara menjana pendapatan eksport minyak sawit dan produk keluarannya kepada RM62.86 bilion berbanding RM52.7 bilion pada 2009.

"Selaras peranan penting industri sawit yang memacu pertumbuhan ekonomi negara, kerajaan mengenalpasti sektor sawit bersama 11 sektor ekonomi lain bagi pelaksanaan Projek Permulaan NKEA di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020," katanya.

Beliau berkata Kementerian dan MPOB juga melaksanakan pendekatan bagi meningkatkan produktiviti sawit dan produk nilai tambah untuk memastikan industri ini terus berdaya saing sebagai penjana utama ekonomi negara.

"Kementerian dan MPOB merangka Pelan Strategik di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 memabatkan penyertaan semua sektor dalam industri sawit termasuk pekebun kecil sawit persendirian," ujarnya.

Usaha peningkatan kemajuan industri sawit bagi menjana pendapatan negara ini adalah sejajar de-



TAN Sri Bernard Dompok menyampaikan replika cek bayaran bantuan tanam semula sawit peneroka FELDA Kertih 4, di bawah Skim Insentif Tanam Semula Sawit (SITS) kepada Ahli Parlimen Dungun, Terengganu, YB Matulidi Jusoh. Turut kelihatan, Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad (dua dari kanan) dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (kiri).

ngan konsep Satu Malaysia yang akan memberi kesejahteraan ekonomi bagi manfaat seluruh rakyat.

Sebelum itu, Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad di dalam ucapan aluan berkata, fungsi utama MPOB menjalankan penyelidikan dan pembangunan serta menyedia-

kan perkhidmatan kepada industri sawit.

"Penyelidikan MPOB dalam semua sektor sawit menghasilkan 475 teknologi dan inovasi baru yang ditawarkan untuk pengkomersialan kepada industri, syarikat tempatan dan usahawan industri kecil dan sederhana," tambahnya.

Shahrir berkata, MPOB juga sedang giat menubuhkan Koperasi Penanam Sawit Mapan di seluruh negara bagi menggalakkan penyertaan pekebun kecil sawit dalam gerakan koperasi.

Pada 2010 lalu, sebanyak empat koperasi yang memabatkan keluasan 37,602 hektar ditubuhkan ma-

“ Selaras peranan penting industri sawit yang memacu pertumbuhan ekonomi negara, kerajaan mengenal pasti sektor sawit bersama 11 sektor ekonomi lain bagi pelaksanaan Projek Permulaan NKEA di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020”

Tan Sri Bernard Dompok
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

nakala pada 2011 ini, MPOB akan melancarkan 10 lagi koperasi yang sama yang memabatkan 108,578 hektar tanah.

Pada majlis itu juga, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May memberi taklimat mengenai perkembangan semasa pelaksanaan lapan Projek EPP Sawit di bawah NKEA.



SKIM TANAM SEMULA SAWIT PEKEBUN KECIL (TSSPK)

(Projek EPP1 di bawah NKEA)

Jangan Berlembang Lagi!



BANTUAN RM 7,000 PER HEKTAR

SYARAT PERMOHONAN

- Warganegara Malaysia
- Pekebun kecil sawit persendirian dengan jumlah keluasan pemilikan tanah maksimum 40.46 hektar (100 ekar).
- Mempunyai lesen MPOB
- Tanaman sawit berumur melebihi 25 tahun atau yang tidak produktif.
- Boleh memohon secara individu atau berkelompok.
- Had maksimum bantuan 40.46 hektar

BANTUAN PENYELENGGARAAN KEBUN (BPK)
BPK sebanyak RM500/bulan akan diberi selama dua tahun kepada pemohon yang lulus dan memenuhi syarat seperti berikut:

- Pekebun kecil sawit sepenuh masa
- Mempunyai pemilikan tanah sawit tidak lebih daripada 2.5 ha secara agregat.
- Bergantung hidup daripada hasil pokok yang akan ditanam semula dan tiada sumber pendapatan tetap yang lain.
- Safu pemohon sahaja layak jika ada penama lain dalam satu geran.
- Layak sekali sepanjang tempoh skim

KAEDAH PELAKSANAAN PROGRAM
Pemohon boleh memilih salah satu kaedah pelaksanaan seperti di bawah:

- Pekebun menguruskan sendiri semua kerja berkaitan penyediaan tapak dan membeli anak benih daripada pembekal yang ditentukan oleh MPOB dan input pertanian dari pembekal yang terpilih dan menuntut bayaran daripada MPOB dengan mengemukakan resit/surat akuan bersaksi.
- Pekebun boleh menyerahkan urusan penyediaan tanam semula, menanam dan membekal input pertanian kepada kontraktor yang dilantik oleh MPOB.
- Pelaksanaan adalah secara individu dan kelompok.

UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI

- Zulkifli Abd Manaf (Tel: 03-8769 4489/03-8925 1122)
- Khairul Jamil (Tel: 03-8769 4936/03-8925 1122)

Terbuka kepada semua pekebun kecil sawit persendirian
Tempoh skim : Februari – Disember 2011
Tempoh permohonan : Februari – Mei 2011



Minda

Datuk Dr Choo Yuen May
KETUA PENGARAH MPOB

MPAK terhadap alam sekitar dari penanaman sawit bagi penghasilan minyak sawit kini adalah isu besar yang perlu dihadapi industri minyak sawit.

Keadaan perdagangan dalam pasaran minyak masak sentiasa berubah dan industri perlu bertindak pantas dan tepat bagi memenuhi perubahan dalam polisi dan peraturan semasa.

MPOB menyedari bahawa penilaian kitaran hayat atau LCA adalah tunjang utama dalam keputusan yang dibuat perniagaan membabitkan perkembangan minyak sawit mampan.

Untuk industri minyak sawit, LCA menyediakan penilaian terperinci mengenai sejauh mana impak terhadap alam sekitar berlaku sepanjang rantaian bekalan minyak sawit.

Dengan maklumat ini, industri minyak sawit boleh mula menumpu ke arah penambahbaikan rantaian bekalan untuk penghasilan minyak sawit yang mampan.

Pada tahun 2006, MPOB memulakan kajian LCA penuh ke atas rantaian bekalan minyak sawit Malaysia termasuk biodiesel sawit bagi menyediakan maklumat asas mengenai prestasi alam sekitar dalam industri untuk menyediakan polisi berkenaan penghasilan sawit dan minyak sawit mampan.

Data bagi inventori kitaran hayat untuk kajian ini dikumpul berdasarkan sub-sistem, iaitu "gate-to-gate" oleh beberapa penyelidik MPOB.

Bagi menjamin kredibiliti, kajian LCA ini dijalankan berdasarkan garis panduan ISO 14040 dan ISO 14044. Bagi memenuhi keperluan semasa dan geografi, purata data bagi penilaian kitaran hayat diperoleh daripada pengeluaran di lokasi berlainan di seluruh negara di antara tahun 2007 hingga 2009.

Di samping itu, set data LCA umum iaitu gabungan data terperinci daripada pengeluaran dan maklumat yang diperoleh daripada modeling dan statistik juga digunakan.

Pembangunan mampan adalah asas kepada kejayaan industri minyak sawit dan pelaksanaan LCA adalah pendekatan teguh dalam pengeluaran minyak sawit mampan.

Dalam pada ini, kami amat berbesar hati mengumumkan bahawa MPOB telah selesai melaksanakan penilaian kitaran hayat produk berasaskan sawit pada tahun 2010.

Kejayaan ini tidak akan diperoleh tanpa sokongan dan bantuan daripada pemegang pihak berkepentingan yang memiliki dan memberikan data inventori asas kepada MPOB untuk penilaian alam sekitar ini.

Kajian ini juga disemak dan dilulus panel penyemak kritikal antarabangsa dan diterbitkan dalam Journal of Oil Palm Research keluaran Disember 2010. Data inventori yang diterbitkan boleh digunakan sebagai rujukan dalam usaha mereka ke arah pengurusan alam sekitar.

Cabaran melaksanakan LCA adalah besar tetapi faedahnya boleh diukur. Adalah diharap usaha mengurangkan kemerosotan keadaan alam sekitar menggunakan LCA boleh mewujudkan usaha sama bagi membasmi segala impak terhadap alam sekitar yang disebabkan oleh penyalahgunaan sumber semula jadi dan tenaga.

Dalam tahun yang akan datang, sokongan terhadap LCA adalah kritikal dan kita akan cuba meningkatkan kemampuan dalam menangani isu mampan.

MPOB juga akan menumpukan perhatian dalam meningkatkan kesedaran terhadap alam sekitar di dalam industri sawit melalui seminar, khidmat perundingan dan kursus-kursus untuk menambah bilangan pengamal LCA tempatan.

Dengan ini, MPOB mendorong agar semua pihak pemegang berkepentingan dapat mengambil pendekatan kitaran hayat sebagai alat untuk terus mampan. - choo@mpob.gov.my

MPOB dan POIC adakan seminar peluang niaga

Seminar bantu promosi industri hiliran oleokimia berasas sawit

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

KOTA KINABALU: MPOB dengan kerjasama Kelompok Industri Minyak Sawit (POIC) Sabah Sdn Bhd menganjurkan Seminar Peluang-Peluang Perniagaan Dalam Sektor Oleokimia, Biomasa dan Nutrasetikal, di Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Seminar dirasmikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok. Turut hadir, Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad; Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Ketua Eksekutif POIC Sabah Sdn Bhd, Datuk Dr Pang Teck Wai.

Dompok, sewaktu berucap merasmikan seminar yang dihadiri seramai 250 peserta itu berkata, tujuan persidangan adalah untuk mempromosi industri hiliran oleokimia, biojisim dan nutrasetikal berasas sawit.

"Penganjuran seminar ini juga untuk memberi peluang kepada pihak industri hiliran berasas sawit terutamanya di Sabah untuk membangun dan membina rangkaian perniagaan dengan industri yang sedia ada.

Beliau berkata, Malaysia mempunyai kapasiti menghasilkan 20 peratus bahan mentah bagi menghasilkan produk oleokimia untuk pasaran dunia, namun hanya 10 peratus saja digunakan pada masa ini.

"Keadaan ini menunjukkan Malaysia berpotensi membangun dan mengembangkan industri hiliran oleokimia. Produk sawit dihasilkan seperti lemak asid, lemak ester, lemak alkohol dan gliserin adalah bahan mentah utama bagi menghasilkan produk oleokimia," katanya.



TAN Sri Bernard Dompok bersama Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (kiri) dan Ketua Eksekutif POIC Sabah Sdn Bhd, Datuk Dr Pang Teck Wai (kanan) selepas perasmian Conference On New Business Opportunities in Oleochemicals, Biomass Sector & Nutraceuticals di Kota Kinabalu.

Tahun 2010, nilai eksport negara bagi produk oleokimia adalah RM8.04 bilion.

Beliau berkata, Sabah sebagai negeri pengeluar minyak sawit terbesar di Malaysia dengan bekalan sumber bahan mentah mencukupi perlu mengambil peluang untuk membangun dan mengembangkan sektor oleokimia dan biomasa berasas sawit secara besar-besaran.

"Pembangunan industri hiliran sektor ini adalah perlu bagi meningkatkan daya saing minyak sawit di pasaran global dan langkah mewujudkan POIC di Lahad Datu untuk memfokuskan kepada sektor ini adalah bertepatan sekali.

"Usaha POIC menarik pelabur dan menyediakan kemudahan pembangunan secara bersepadu bagi aktiviti hiliran ber-

asaskan minyak sawit seperti kemudahan pelaburan, kilang penapis, kilang oleokimia dan kemudahan lain yang berkaitan adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengembangkan sektor ini.

"Setakat ini, sebanyak 30 syarikat pelabur telah membeli tanah di POIC Lahad Datu dengan pelaburan keseluruhan bernilai melebihi RM2 bilion yang meliputi pembinaan kilang penapisan, kilang baja dan syarikat logistik," jelas beliau.

Sebanyak lapan kertas kerja dibentangkan pada persidangan berkenaan bagi memberikan maklumat kepada peserta industri dan pelabur mengenai peluang perniagaan dalam industri hiliran minyak sawit.

MPOB, MPOA bincang keutamaan penyelidikan

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

BANGI: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA) mengadakan Dialog Teknikal membincangkan keutamaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang perlu dijalankan bagi meningkatkan kemajuan dan daya saing industri sawit negara.

Pada majlis dialog itu, MPOB diketuai Ketua Pengarah, Datuk Dr Choo Yuen May serta Pegawai-Pegawai Kanan manakala MPOA diketuai Pengerusinya, Dato' Abdul Wahab Maskan dengan 27 ahli terdiri daripada wakil syarikat utama perladangan sawit negara.

Choo pada taklimat ringkas majlis itu turut membentangkan pembabitan dan tanggungjawab MPOB melaksanakan Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA) bagi Industri Sawit yang merupakan satu daripada dua belas sektor dikenal pasti untuk menajayakan Program Transformasi Ekonomi (ETP) negara.

"MPOB bersama pihak industri bertanggungjawab melaksanakan lapan Projek Permulaan (EPP) yang dikenal pasti bagi menajayakan ETP, sekali gus memacu

pertumbuhan industri sawit dan membantu melonjakkan negara kepada landasan ekonomi kukuh dan berdaya saing.

"Melalui pelaksanaan lapan EPP itu, industri sawit dianggar berupaya meningkatkan Pendapatan Kasar Negara (GNI) daripada RM53 bilion pada tahun 2009 kepada RM178 bilion menjelang tahun 2020," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Penyelidikan dan Pembangunan MPOA, Datuk Carl Bek-Nielsen, membentangkan cadangan dan tumpuan penyelidikan yang perlu dilaksanakan segera bagi meningkatkan daya saing industri sawit negara.

"Sawit adalah industri komoditi emas negara yang menyumbang RM62.86 bilion kepada pendapatan eksport negara pada tahun 2010," kata Carl.

Beliau mencadangkan keutamaan penyelidikan yang dilaksanakan perlu meliputi semua sektor daripada sektor hulu-hinggalah sektor hiliran.

"Hasil dan penemuan penyelidikan perlu berupaya meningkatkan daya saing minyak sawit di pasaran seperti meningkatkan pengeluaran bagi setiap hektar, mengurangkan kos pengeluaran dan mengurangkan kadar tukaran wang asing.

"Salah satu keutamaan penyelidikan

adalah memastikan peningkatan pengeluaran minyak sawit. Penyelidikan bagi menghasilkan anak benih berprestasi tinggi perlu dilakukan segera memandangkan purata penghasilan minyak sawit setiap hektar masa kini dalam keadaan mendatar dan menurun sejak sekian lama," kata Carl.

Beliau menjelaskan, keadaan sebaliknya berlaku kepada minyak kacang soya dan sesawi (rape seed) yang pengeluarannya meningkat setiap tahun. Pengeluaran kacang soya meningkat dari 0.38 tan sehektar pada 1990 kepada 0.58 tan sehektar pada 2010.

"Pengeluaran minyak sesawi pula meningkat dari 0.7 tan sehektar pada tahun 1990 kepada 1 tan pada 2010.

"Keutamaan juga perlu bagi penyelidikan kawalan penyakit Ganoderma yang merupakan penyakit kanser kepada pokok sawit. Teknologi bagi mengatasi penyakit ini perlu dihasilkan dengan segera," kata Carl.

Pemangku Timbalan Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din pula membentangkan keutamaan penyelidikan yang dijalankan MPOB dan penemuan teknologi serta inovasi baru setakat ini.

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Pekebun kecil digesa tingkat produktiviti sawit

Langkah capai pembangunan ekonomi berpendapatan tinggi

MERLIMAU: Pekebun kecil sawit digesa mengguna pakai teknologi baru dan mematuhi amalan pertanian baik bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan sejajar matlamat Program Transformasi Ekonomi (ETP) kerajaan iaitu ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

"Peningkatan pendapatan dan taraf hidup pekebun kecil sawit ditentukan oleh peningkatan produktiviti sawit dengan gabungan teknologi baru termasuk penggunaan benih sawit berkualiti, pembajaan dan kawalan rumpai dan perosak secara sistematik serta penuaian buah sawit berkualiti," kata Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad ketika berucap di Majlis Pemimpin Bersama Pekebun Kecil Sawit di sini, baru-baru ini.

Shahrir menambah, dalam konteks mencapai matlamat pembangunan ekonomi berpendapatan tinggi, kerajaan mengenalpasti industri sawit sebagai salah satu Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) dengan menggariskan lapan Projek Permulaan (EPP).

"Lapan EPP meliputi sektor hulu bagi peningkatan produktiviti hingga sektor hiliran yang menghasilkan produk tambah nilai.

"Peningkatan produktiviti sektor hulu melibatkan sektor perladangan dan pekebun kecil akan menyumbang peningkatan penda-

apatan industri dan memberi impak penting kepada pendapatan negara," jelasnya.

Katanya lagi, sektor pekebun kecil merangkumi pekebun kecil persendirian dan pekebun kecil di bawah kelolaan agensi kerajaan seperti Felda, Risda dan Felcra adalah salah satu komponen utama dalam industri sawit.

"Menyedari kepentingan sektor pekebun kecil dalam peningkatan produktiviti, kerajaan mengenalpasti langkah strategik termasuk mempercepatkan penanaman semula pokok sawit yang berusia melepasi 25 tahun atau yang tidak produktif.

"Bagi menggalakkan penanaman semula sawit dengan benih berkualiti, kerajaan melalui MPOB menyediakan Sin insentif Tanam Semula (SITS) dan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE2) yang ditutup pada 2010," tambahnya.

Bagi merangsang serta mencapai peningkatan produktiviti sawit iaitu pengeluaran buah tandan segar 26 tan sehektar menjelang 2020, kerajaan menambah peruntukan di bawah NKEA dengan menyediakan

bantuan Skim Tanam Semula Sawit dan Skim Tanam Baru Sawit sebanyak RM7,000 sehektar kepada pekebun kecil.

Selain itu, majlis taklimat yang sama mengenai skim bantuan kerajaan kepada pekebun kecil sawit oleh Pengerusi MPOB turut diadakan di Kerdu, Pahang.

Menurutnya, selain skim bantuan yang disediakan, pekebun kecil turut digesa mendapatkan khidmat nasihat daripada MPOB bagi me-

laksanakan amalan pertanian baik untuk menjamin pengeluaran hasil yang tinggi dan peningkatan pendapatan pengusaha ladang dan pekebun kecil sawit.

"Selain itu, penyatuan pekebun kecil dalam gerakan koperasi setempat yang melaksanakan Amalan Pertanian Baik adalah antara landasan bagi meningkatkan pendapatan serta memberi sumbangan kepada kemajuan sosio ekonomi penduduk luar bandar," katanya.



“Lapan EPP meliputi sektor hulu bagi peningkatan produktiviti hingga sektor hiliran yang menghasilkan produk tambah nilai”

Shahrir Abdul Samad
Pengerusi MPOB

Delegasi MOPNA kunjungi Pengerusi MPOB

saufi@mpob.gov.my

BANGI: Delegasi Persatuan Pengusaha Semaian Sawit Malaysia (MOPNA) diketuai Presidennya, Azhari Wasi mengadakan pertemuan dengan Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad di ibu pejabat MPOB.

Dalam pertemuan yang turut disertai Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan penguurusan MPOB, MPOB dan MOPNA bertukar pandangan mengenai perkembangan industri sawit khususnya sektor tapak semaian yang membekalkan anak benih sawit untuk penanaman di ladang.

Shahrir berkata, industri sawit dikawal dan dipantau oleh MPOB melalui penguatkuasa peraturan bagi memastikan perkembangan yang teratur.

Katanya, MPOB juga memperkenankan pensijilan Kod Amalan Industri Sawit yang dilaksanakan secara sukarela oleh keseluruhan sektor dalam industri bagi memastikan amalan mapan dilaksanakan dan menghasilkan produk yang terjamin kualitinya.

"MPOB membuat keputusan bagi pelaksanaan pensijilan Kod Amalan

Baik bagi Sektor Tapak semaian pada 2012 bagi memastikan pengeluaran bahan tanaman sawit berkualiti dari baka tulen, pengurusan yang sistematik mengikut amalan pertanian baik," ujarnya.

Beliau menyeru ahli MOPNA supaya memastikan anak benih yang dihasilkan adalah yang berkualiti dan berpenghasilan tinggi selaras dengan sasaran kerajaan bagi mencapai purata penghasilan 28 tan sehektar setahun Buah Tandan Segar (BTS) bagi ladang atau estet menjelang 2020.

MOPNA katanya, perlu membantu pekebun kecil persendirian dengan membekalkan anak benih berkualiti yang berupaya mencapai sasaran purata hasil BTS, 22 tan pada 2020.

Katanya, sebahagian besar produk sawit digunakan sebagai sumber pemakanan, oleh itu adalah penting bagi industri memastikan pengeluaran secara mapan dan jaminan keselamatan produk sawit sebagai sumber makanan global.

MOPNA mempunyai 75 ahli membabitkan 200 pemegang lesen tapak semaian termasuk di Sabah dan Sarawak dengan tumpuan bekalan anak benih sawit kepada pekebun kecil.

KURSUS INTENSIF DIPLOMA PENGURUSAN PERLADANGAN DAN TEKNOLOGI SAWIT

SIAPA YANG PERLU HADIR
Individu dari industri perladangan sawit, dalam dan luar negara atau mana-mana pihak yang berminat secara langsung atau tidak langsung dengan perladangan sawit dipelawa untuk mengikuti kursus di atas. Pemohon perlu mempunyai kelayakan seperti berikut:

- Diploma dalam bidang pertanian yang diiktiraf; atau
- Lulus SPM dan mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya dua (2) tahun di sektor perladangan; atau
- Lulus SPM dengan kredit Bahasa Inggeris dan Sains bagi Warganegara Malaysia

OBJEKTIF
Memberi pendedahan kepada para peserta kursus mengenai pelbagai teknologi terkini yang berkaitan dengan perladangan hulu sawit dan produknya serta memberi penekanan terhadap pengurusan perladangan yang dapat membantu meningkatkan tahap kualiti kerja serta pendedahan tentang peraturan dan perundangan dalam industri sawit

KANDUNGAN KURSUS
Bahagian I: Sains Tumbuhan dan Tanah (20%)
DOP 101: Sains Tumbuhan
DOP 102: Sains Tanah

Bahagian II: Perundangan Pekerja/Pembangunan Sumber Manusia (PSM)
DOP 103: Perhubungan Industri dan Kesatuan Pekerja
DOP 104: Kesihatan dan Keselamatan Pekerja
DOP 105: PERKESO & Pengurusan Sumber Manusia

Bahagian III: Pentadbiran/Kewangan (45%)
DOP 106: Pengenalan kepada Pengurusan Perladangan dan perakaunan
DOP 107: Bahan Penanaman & Nurseri
DOP 108: Persediaan Tanah
DOP 109: Kumbahan dan Pengairan
DOP 110: Penanaman Ladang
DOP 111: Penyelenggaraan - Belum Matang
DOP 112: Penyelenggaraan - Matang
DOP 113: Perakaunan Perladangan
DOP 114: Pengurusan Kewangan

Bahagian IV: Kejuruteraan & Pemrosesan
DOP 115: Pengilangan dan Pemrosesan Sawit
DOP 116: Kejuruteraan/Mekanisasi

METODOLOGI
1. Ceramah
2. Perbincangan
3. Lawatan Ladang/Praktikal
4. Peperiksaan
5. Projek/Kerja Kursus Praktikal

PERTANYAAN
Untuk penyertaan lanjut, sila hubungi:

- Pn Hjh Azizah Lockman
No. Tel : 03-89267046 atau 03-87694568
Faks : 03-89257549
E-mel : azizah@mpob.gov.my
- En Omar Hj Kamal
No. Tel : 03-87694869
Faks: 03-89257549
E-mel : omarkama@mpob.gov.my

TARIKH DAN JANGKA MASA KURSUS

Semester	Tempoh	Bahagian	Tajuk
I	17 April - 06 Mei 2011	I	Sain Tumbuhan dan tanah Perundangan Pekerja /PSM
	09 Mei - 13 Mei 2011		Latihan Sangkut
II	19 Mei - 17 Jun 2011	III	Pentadbiran Kewangan
	20 - 24 Jun 2011		Latihan Sangkut
III	20 Jun - 14 Julai 2011	IV	Kejuruteraan & Pemrosesan

BAHASA PENGHANTAR
Bahasa pengantar adalah Bahasa Inggeris.

TARIKH TUTUP
Tarikh tutup penghantaran borang pendaftaran adalah pada **12 April 2011**

BORANG PENDAFTARAN
Pemohon hendaklah mengisi borang pendaftaran yang boleh didapati di laman web: MPOB www.mpob.gov.my.

YURAN PENDAFTARAN
Warganegara Malaysia
RM6,500.00 (Ringgit Malaysia: Enam Ribu Lima Ratus Sahaja).
Warganegara Asing
Euro (€) 3,000 (Euro dolar: Tiga Ribu Sahaja).
Latihan Sangkut di Estet (pilihan)
Euro (€) 500 (Euro dolar: Lima Ratus Sahaja) untuk warganegara asing dan
RM1,800 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Lapan Ratus Sahaja)



Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

13 delegasi EMPA lawat MPOB

Lawatan rasmi bagi bincangkan isu, masalah industri di Sabah, Sarawak

B ANGI: Delegasi 13 orang East Malaysia Planters' Association (EMPA) mengadakan lawatan rasmi ke Ibu Pejabat MPOB, di sini, baru-baru ini, bagi membincangkan isu dan masalah berkaitan industri sawit di Sabah dan Sarawak.

Ia diketuai Mohd Hattah Jaafar yang mewakili Pengerusinya, Othman Walat dan disambut Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May. Turut hadir, Pengarah-Pengarah Bahagian MPOB.

Choo di dalam taklimatnya berkata, lawatan delegasi EMPA dari Sabah dan Sarawak itu tepat pada masanya memandangkan perkembangan industri sawit negara masa kini tertumpu kepada dua negeri itu.

"Sabah dan Sarawak adalah negeri utama tanaman sawit negara meliputi 1.4 juta hektar dan 0.9 juta hektar atau 47.9 peratus daripada keluasan tanaman sawit seluruh Malaysia yang berjumlah 4.8 juta hektar.

"Industri sawit juga dikenal pasti sebagai satu daripada dua belas Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA) oleh kerajaan bagi menjayakan Program Transformasi Ekonomi (ETP) negara daripada sebuah negara berpendapatan sederhana kepada negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020," katanya.

Beliau berkata, kerjasama ahli EMPA bagi merealisasikan hasrat kerajaan itu sangat penting teru-



PEGAWAI MPOB memberi penjelasan berkaitan produk kawalan bio serangga perosak sawit kepada delegasi EMPA yang membuat lawatan ke Loji Rintis Mikrotech di Ibu Pejabat MPOB.

tama dalam menjayakan lapan (8) Entry Point Projects (EPP) yang dikenal pasti dan kebanyakannya akan dilaksanakan MPOB.

"EMPA diminta menasihatkan

ahlinya supaya mempercepatkan program tanam semula pokok sawit yang melebihi 25 tahun dan tidak produktif dan pada masa sama menggunakan anak benih berkua-

liti yang berprestasi tinggi.

"Sejumlah 449,415 hektar tanaman sawit seluruh negara mencapai umur 25 tahun dan perlu melakukan tanam semula di bawah

EPP1. Dari jumlah itu, seluas 340,332 hektar adalah dari sektor ladang dan 109,083 kebun kecil.

"Kerajaan menasaskan purata 28 tan sehektar setahun pengeluaran buah tandan segar (BTS) ladang sawit dan 23 peratus kadar perahan minyak (OER) menjelang tahun 2020.

"Ladang sawit di bawah naungan EMPA perlu menjadi contoh dengan mengamalkan amalan pertanian baik dan menghasilkan BTS berkualiti bukan saja berupaya mencapai 28 tan sehektar malah juga berupaya mencapai 23 peratus OER seperti disasarkan," katanya.

Pada pertemuan itu delegasi EMPA menimbulkan masalah kecurian BTS yang berlaku berpunca dari harga tinggi dan meminta MPOB menasihati dan bertindak ke atas peniaga BTS berlesen yang berurusan dengan BTS curi.

Untuk itu, Choo menasihati delegasi supaya bersama mengatasi masalah itu dengan mendapatkan bantuan Polis dan pegawai MPOB di pejabat Wilayah dan Cawangan.

Pada sesi lawatan pula, delegasi berkenaan di bawa melihat loji rintis mikrotech dan makmal tisu kultur selain penggunaan CANTAS.

BERITA RINGKAS

Ladang sasar 28 tan BTS per hektar

L ADANG sawit disasar menghasilkan purata Buah Tandan Segar (BTS) sebanyak 28 tan sehektar setahun menjelang tahun 2020 kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok. Sasaran pengeluaran BTS bagi pekebun kecil persendirian pula ditetapkan sebanyak 22 tan sehektar manakala pekebun kecil tersusun seperti peneroka Felra, Risda, Felcra dan pekebun di bawah agensi kerajaan disasarkan sebanyak 26 tan sehektar setahun. Purata penghasilan BTS Kebangsaan tahun 2010 adalah 18.03 tan sehektar. Katanya melalui penggunaan anak benih berkualiti dan mengamalkan amalan pertanian baik, dianggarkan Negara berupaya menjana Pendapatan Negara Kasar (GNI) berjumlah RM10.2 bilion pada tahun 2020 nanti.

Portal e-benih online

M POB memperkenalkan portal e-benih bagi urus niaga biji dan anak benih sawit secara *online*. Pendekatan ini adalah salah satu langkah bagi memastikan pengumpulan dan hebahan maklumat kepada pihak industri sawit dapat dilaksanakan dengan cekap dan tepat. Ia adalah platform mudah bagi pengeluar anak benih dan pengusaha tapak semaian sawit menjalankan urus niaga jual beli bahan tanaman tersebut.

Ketua Pengarah MPOB terima anugerah khas

Oleh Nurul Hanis Abdul Rahman
nurulhanis@mpob.gov.my

B ANGI: Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (**gambar**) menerima Anugerah Khas 'Most Outstanding Malaysian Women Award' bersempena sambutan ulang tahun ke-100 Hari Wanita Sedunia anjuran 'Malaysian Chinese Women Leaders Caucus'.

Anugerah disampaikan oleh isteri Perdana Menteri, Datin Paduka Seri Rosmah Mansor pada 6 Mac lalu di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid baru ini.

Anugerah 'Most Outstanding Malaysian Women Award' adalah memberi pengiktirafan kepada wanita di negara ini yang memberi sumbangan ketara terhadap pembangunan negara mencakupi sumbangan kepada politik, ekonomi, budaya, pendidikan, seni, sukan dan komuniti negara.

Datuk Dr Choo diiktiraf kerana sumbangan penting dalam bidang penyelidikan dan pembangunan minyak sawit yang membawa kepada peningkatan penggunaan minyak sawit.

Kini, minyak sawit menjadi penjana utama ekonomi negara dan pada masa yang sama sejumlah 0.6 juta rakyat Malaysia bergantung kepada tanaman sawit sebagai punca sara hidup. Beliau juga menerbitkan se-



jumlah 686 penerbitan saintifik berkaitan sawit dengan 43 daripadanya dipatenkan.

Teknologi dan inovasi hasil penyelidikan beliau diiktiraf dan memenangi pelbagai anugerah saintifik dan inovasi di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Datuk Dr Choo menerima Anugerah Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara (PJJN) yang membawa gelaran 'Datuk' sempena Hari Keputeraan Yang Di Pertuan Agong dalam 2009 dan Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) yang membawa gelaran Dato' sempena sambutan hari kebesaran Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang pada 2007.

KURSUS KEMAHIRAN MENGGRED BUAH SAWIT

Orang ramai terutama pengusaha yang terlibat dengan pengeluaran, penjualan, pengalihan, pembelian dan pengilangan buah sawit seluruh negara di pelawa untuk menyertai kursus tersebut di atas yang akan di adakan seperti di bawah;

TARIKH DAN JANGKA MASA KURSUS

Wilayah Sabah 26-28 April 2011
Wilayah Timur 10-12 Mei 2011
Wilayah Tengah 7-9 Jun 2011
Wilayah Utara 21-23 Jun 2011
Wilayah Sarawak 21-23 Julai 2011
Wilayah Selatan 12-14 September 2011

OBJEKTIF KURSUS

- Memberi pendedahan kaedah penggredan mengikut piawalan Manual Penggredan Buah Sawit MPOB.
- Menerap kemahiran penggredan meliputi aspek teknikal, komersial dan falsafah penggredan buah sawit.
- Meningkatkan pengetahuan amalan pertanian baik bagi menghasilkan buah sawit berkualiti.
- Mencapai visi meningkatkan kadar perahan minyak (OER) dan kecekapan pengilangan buah sawit.
- Melatih dan meningkatkan kemahiran penggred buah sawit kepada mereka yang terlibat dengan pengeluaran, perniagaan dan pengilangan komoditi tersebut.

SIAPA PATUT HADIR

- Pengurus, Penyelia dan Penggred Buah Kilang/Peniaga /Ladang Sawit
- Pekebun Kecil Sawit,
- Orang ramai yang berminat.

SYARAT PENYERTAAN

- Warganegara Malaysia
- Boleh menulis dan membaca
- Sihat tubuh badan
- Umur tidak kurang dari 18 tahun
- Memiliki Sijil SRP/PMR dan sekurang-kurangnya berpengalaman 1 tahun dalam urus niaga buah sawit.
- Lulus dan tidak bula warna.

KANDUNGAN KURSUS

Syarahan dan latihan semasa kursus akan disampaikan oleh peneraja, jurulatih dan pakar berkelayakan dalam tajuk-tajuk berkaitan. Bahasa pengantar adalah Bahasa Malaysia.

Tajuk kursus adalah:

- Penuaian buah sawit
- Kualiti buah sawit dan Kadar Perahan Minyak (OER)
- Penggredan Tandan Buah Sawit MPOB.
- Latihan amali pengendalian, menggred tandan dan demonstrasi menggred konsignasi tandan buah sawit.

YURAN PENYERTAAN

RM500.00 (Ringgit Malaysia lima ratus sahaja). Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk cek atau bank draft atau kiriman wang pos atas nama **KETUA PENGARAH MPOB.**

BORANG PERMOHONAN

Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan yang boleh didapati di laman web MPOB www.mpob.gov.my.

PERTANYAAN

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

<ul style="list-style-type: none"> • Pn Hjh Azah Lockman No. Tel : 03-89257042 atau 03-87694568 Faks : 03-89257549 E-mail : azah@mpob.gov.my 	<ul style="list-style-type: none"> • Nomadlya Yunus No. Tel : 03-8769 4870 Faks : 03-8925 7549 E-mail : nomadlya@mpob.gov.my
--	--

MPOB

[WWW.mpob.gov.my](http://www.mpob.gov.my)



PEMANGKU Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din (tujuh dari kanan barisan dua depan) bergambar bersama pelatih pertama KOML di PLASMA Keratong, pada hari perasmian kemasukan pelatih Sesi Mac 2011 di pusat itu baru baru ini.

KOML lahir pekerja mahir ladang sawit

Seramai 100 pelatih kumpulan pertama mula pengajian di PLASMA Keratong mulai Mac 2011

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

KERATONG: Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) yang dianjurkan oleh MPOB akan menjadi kursus utama dan bakal melahirkan pekerja mahir ladang sawit negara dengan tumpuan kepada penggunaan mekanisasi kejenteraan.

KOML yang bermula dengan lapan orang pelatih pada tahun 2006 telah berkembang pesat dan sehingga tamatnya sesi february 2011 lalu, sejumlah 262 pelatih telah menyertai dan berjaya menamatkan kursus itu dengan cemerlang.

Silibus pembelajaran yang digunakan mengikut NOSS (National Occupational Skill Standard) yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia Malaysia bagi

mengendalikan latihan kemahiran sekali gus melayak pelatih mendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May yang diwakili Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan), Dr Ahmad Kushairi Din berkata demikian semasa berucap merasmikan Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) Sesi Mac 2011 di bangunan baru Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) di sini baru baru ini.

"Seramai seratus (100) pelatih dari seluruh negara mendaftar untuk sesi pengajian Mac 2011 dan merupakan kemasukan pelajar kumpulan pertama menggunakan bangunan baru PLASMA Keratong berkenaan."

"Dari jumlah itu seramai enam puluh (60) pelajar mengikuti KOML Tahap 1 manakala selebihnya pe-

lajar Tahap 2."

Beliau berkata tujuan KOML ini dilaksanakan oleh MPOB adalah untuk melatih seramai mungkin pelatih bagi melahirkan pekerja ladang sawit yang mahir dan pada masa yang sama menggalakkan golongan remaja dan belia tempatan menceburi kerjaya di sektor perladangan sawit.

"Ia dilaksanakan sejajar dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan pembangunan modal insan dan melahirkan tenaga kerja tempatan yang kreatif, inovatif dan berkemahiran bagi memenuhi keperluan tenaga kerja di ladang sawit.

Beliau berkata melalui KOML, pelatih juga berpeluang memanfaatkan ilmu dan kemahiran yang diperolehi dengan menjadi seorang usahawan dalam bidang penjenteraan ladang atau bidang lain yang berkaitan.

Penubuhan PLASMA Keratong ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan produktiviti buah dan minyak sawit melalui penggunaan mekanisasi dan automasi di ladang dan kebun kecil sawit.

Sektor Perladangan Sawit Malaysia masih lagi bergantung kepada tenaga buruh terutama daripada

buruh asing. Berdasarkan laporan tahun 2009, terdapat 502,229 guna tenaga di ladang sawit dan daripada jumlah itu, 372,000 atau 74.12 peratus adalah buruh asing.

"Melalui pengujudanan KOML ini, kerajaan menganggarkan berupaya mengurangkan bilangan pekerja asing kepada 110,000 orang menjelang tahun 2020," katanya.

INFO Prestasi Industri Sawit Malaysia bulan Februari 2011

	2011		Beza	
	Januari	Februari	Tan/RM	%
PENGELUARAN (Tan)				
Minyak sawit mentah	1,057,961	1,094,473	36,512	3.5
Isirung sawit	266,469	279,268	12,799	4.8
Minyak isirung sawit mentah	126,945	117,843	-9,102	-7.2
EKSPORT (Tan)				
Minyak sawit	1,218,167	1,114,202	-103,965	-8.5
Minyak isirung sawit	64,251	76,278	12,027	18.7
STOK AKHIR (Tan)				
Minyak sawit	1,418,663	1,478,793	60,130	4.2
Isirung sawit	88,065	108,009	19,944	22.6
Minyak isirung sawit	226,489	258,819	32,330	14.3
IMPORT (Tan)				
Minyak sawit	164,938	189,411	24,473	14.8
HARGA (RM/Tan)				
Buah tandan segar (1% OER)	43.50	44.20	0.70	1.6
Minyak sawit mentah (Hantaran tempatan)	3,769.00	3,811.00	42.00	1.1
Isirung sawit (Di pintu kilang)	3,174.00	3,297.00	123.50	3.9
KADAR PERAHAN MINYAK SAWIT - OER (%)				
Malaysia	19.70	19.62	-0.08	-0.4
Semenanjung Malaysia	19.28	19.55	0.27	1.4
Sabah	20.25	19.42	-0.83	-4.1
Sarawak	20.12	20.34	0.22	1.1
HASIL (Tan/Hektar)				
Buah tandan segar	1.15	1.20	0.05	4.3
Minyak sawit mentah	0.23	0.24	0.01	4.3

KURSUS PENGURUSAN & PENYELENGGARAAN NURSERI SAWIT

Orang ramai terutama pengusaha tapak semaian sawit seluruh negara dipelawa untuk menyertai kursus tersebut yang akan diadakan seperti dibawah:

OBJEKTIF KURSUS

- Memberi pengetahuan secara jelas dan mendalam mengenai pengurusan nurseri sawit mengikut plawalan yang ditetapkan.
- Memberi pendedahan tentang keperluan dan standard yang diperlukan oleh pengusaha nurseri sawit bagi memenuhi kriteria Code of Good Nursery Practice for Oil Palm Nurseries (CoPN).
- Memberi pendedahan tentang peraturan dan perundangan dalam semaian sawit.

SYARAT PENYERTAAN

- Warganegara Malaysia
- Boleh menulis dan membaca Bahasa Malaysia
- Sihat tubuh badan
- Umur tidak kurang 18 tahun

KANDUNGAN KURSUS

Syarahan dan latihan semasa kursus akan disampaikan oleh penyarah dan jurulatih yang berkelayakan dan pakar dalam fatuk-tajuk berkaitan. Bahasa pengantar adalah Bahasa Malaysia.

TAJUK KURSUS ADALAH:

- Aspek Ekonomi Nurseri Sawit
- Pengawalselenggaraan Nurseri Sawit
- Pengurusan Nurseri Sawit
- Kod Amalan Baik Nurseri untuk Sawit (CoPN)
- Latihan amali di nurseri sawit bagi mempelajari kaedah pengurusan dan penyelenggaraan nurseri sawit yang betul.

TARIKH DAN JANGKA MASA KURSUS

Wilayah Sabah/Sarawak
Sandakan, Sabah
(10-11 Mei 2011)

Wilayah Selatan/Timur
Felda Sg. Tekam, Pahang
(12-13 Julai 2011)

Wilayah Utara/Tengah
Teluk Intan, Perak
(27-28 September 2011)

YURAN PENYERTAAN
RM 500. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk cek atau bank draft atau kuitansi wang pos atas nama **KETUA PENGARAH MPOB**.

BORANG PERMOHONAN
Permohonan hendaklah mengisi borang permohonan yang boleh didapati di laman web MPOB www.mpob.gov.my.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN
Tarikh tutup permohonan bagi setiap wilayah adalah dua minggu sebelum kursus bermula.

PERTANYAAN
Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

- Pn Hjh Azizah Lockman
No. Tel : 03-89257045 atau
03-87694568 Faks : 03-89257549
E-mail : azizah@mpob.gov.my
- Nomadiya Yunus
No. Tel : 03-8769 4870
Faks : 03-8925 7549
E-mail : nomadiya@mpob.gov.my

WWW.mpob.gov.my

Stesen FASSB ini mengeluarkan purata 5 juta biji benih setahun

Oleh Azran Jaffar

TIADA kompromi dalam proses penakalan (culling) yang mana anak pokok tidak subur, terbahut pembesaran dan mengalamai penyakit akan dimusnahkan dengan sepenuhnya, adalah amalan pertanian baik yang dilaksanakan pengurusan tapak semaian anak pokok sawit milik FELDA Agricultural Services Sdn Bhd (FASSB) di Bukit Tongkat, Klang, Johor dalam usaha memastikan apa yang diperolehi pelanggan adalah yang terbaik.

Barisan anak pokok sawit yang disemai di situ mengalami proses ini sebanyak dua kali sebelum ia boleh dipasarkan iaitu ketika berusia tiga hingga empat bulan dan lapan hingga 12 bulan. Anak pokok sawit di pasarkan ketika ia berusia antara sepuluh bulan hingga 12 bulan dan kebiasaannya akan menghasilkan tandan buah selepas dua hingga tiga tahun dipindahkan ke ladang.

Proses penakalan yang dijalankan di sini juga bukan main-main atau sekadar memenuhi syarat kerana ia dilaksanakan sehingga anak pokok yang bermasalah itu benar-benar mati dan tiada harapan untuk bertunas semula bagi mengelakkan ada pihak yang mengambil dan menamainya yang akhirnya merugikan mereka sendiri.

Industri sawit mempunyai ragamnya sendiri terutama di kalangan pekebun kecil. Kurangnya pengetahuan menyebabkan ada yang mengambil tindakan tidak munasabah seperti menyemai anak sawit menggunakan biji sawit diperolehi di kebun yang akhirnya menyebabkan pekebun kecil rugi dari segi masa dan tenaga kerana pokok tidak menghasilkan buah.

MPOB sebagai agensi yang terlibat dalam industri ini sering mengingatkan pekebun kecil mengenai perkara ini dan tapak semaian pula, ia tidak boleh dibuka sewenang-sewangnya kerana memerlukan lesen dari MPOB juga kebenaran mem-

bawa anak pokok. Di sinilah tapak semaian seperti yang dilakukan FASSB memainkan peranan yang mana bukan saja bertindak sebagai pembekal anak pokok dan biji benih kepada pekebun tetapi juga memberi penerangan mengenai kaedah penanaman dan penjagaan.

Bagi FASSB, dengan mempertukarkan benih DxP Yangambi ML161 yang berusia memberi kadar perolehan (OER) sebanyak 25.8 peratus, dihasilkan melalui kajian selama 20 tahun, ia mengorak langkah menjadi pembekal biji benih dan anak pokok sawit.

Selain tapak semaian di Bukit Tongkat, FASSB mempunyai satu lagi tapak semaian iaitu di Jerantut, Pahang dan dengan pengalaman selama lebih 40 tahun, ia menjadi antara pemain utama dalam membekalkan biji benih sawit dan anak pokok sawit kepada pekebun kecil dan juga syarikat perladangan yang tidak mempunyai kemudahan berkenaan.

Tapak semaian di Bukit Tongkat mengeluarkan purata 5 juta biji benih setahun sementara anak pokok purata sebanyak 150,000 setahun.

Dibuka pada tahun 1998, selain bertindak sebagai pembekal kepada pekebun kecil dan syarikat perladangan, tapak semaian berkenaan juga adalah pembekal anak benih kepada organisasi FELDA dan anak syarikat FELDA.

Berkeluasannya 20.19 hektar, tapak semaian berkenaan melalui tiga fasa pembangunan selepas berpindah dari Ulu Belitong yang tidak begitu jauh dari tapak yang ada kini. Pada asalnya, keluasannya adalah 8.87 hektar yang kemudian ditingkatkan sebanyak 5.85 hektar pada tahun 2004 dan seterusnya sebanyak 5.67 hektar lagi pada tahun 2006.

Tapak semaian itu memenangi anugerah kategori Tapak Semaian Terbaik dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sebanyak tiga kali iaitu pada tahun 2001, 2002 dan terbahut pada anugerah untuk tahun 2009/2010 yang diadakan Disember lalu. Dxp Yangambi ML161 pula men-

Tapak Semaian Sawit FASSB menang anugerah



PANDANGAN kawasan Tapak Semaian Sawit FASSB yang diurus dengan sempurna dan melayakkan lanya memenangi Anugerah Industri Sawit Malaysia 2009/2010 bagi Kategori Tapak Semaian.



PROSES penakalan (membunuh) anak pokok yang dipadati tidak menepati spesifikasi kualiti anak benih yang ditetapkan.

bang dan berantam), daun berkeriting dan chimaera yang mana daun berwarna kuning keputihan sementara penakalan di semaian besar membabitkan pokok yang mengalami masalah bantut, pelepah mengagad dan padat, daun atas rata, pelepah tidak pecah kepada helai daun, tirus, jarak antara helai daun dalam pelepah terlalu rapat, jarak antara helai daun terlalu jarang, helai daun pendek dan lebar serta chimaera.

Bagi memastikan anak pokok

membesar dengan baik, pembajaan dilakukan mengikut program merangkap untuk menjaga kebersihan. Kawalan musuh dan penyakit pula dibuat secara berkala bagi mengelakkan kerosakan kepada anak pokok yang seterusnya menjejaskan tumberaan anak pokok dan jika tidak dilakukan serangan yang besar boleh menyebabkan anak pokok mati dan rosak dalam kuantiti yang besar.

Pengeluaran adalah berdasarkan

kepada permintaan dengan perancangan untuk mengeluarkan biji benih mengambil masa selama setahun bermula daripada menyediakan pokok induk sehinggalah penghasilan biji benih begitu juga dengan anak pokok yang dipasarkan apabila berumur antara sembilan hingga 12 bulan.

Dengan amalan pertanian yang dijalankan, FASSB dapat memberi jaminan sebagaimana di Jerantut, anak benih dan anak pokok yang diperolehi dari tapak semaian Bukit

Tongkat adalah yang terbaik. Bagi biji benih yang dipasarkan, ia dihantar kepada pelanggan (pekebun kecil dan pemilik tapak semaian) dalam bentuk bungkus yang mengandungi 210 biji dan seeloknya ditanam sebaik biji benih tiba dan kerana itu pelanggan diminta menyediakan tapak sebelum biji benih berkenaan dihantar.

Proses pembungkusan juga dikawal rapi dengan dilekap pelbagai pelekat keselamatan bagi mengelakkan berlaku cetak rompak dibuat

pilak tertentu yang meniru bungkus berkenaan dengan mengahantar biji benih tidak bermutu kepada pelanggan.

Biji benih yang berkualiti dan mempunyai percambahan yang baik akan dijual pada harga RM1.85 dan FASSB memberikan khidmat nasihat kaedah menanam kepada pelanggan dan menggantikan biji benih baru sekiranya yang disemai tidak hidup bergantung kepada kriteria tertentu.

Bagi kalangan pekebun kecil ada

beberapa sebab kenapa benih yang disemai tidak menjadi seperti diharapkan antaranya lewat disemai, salah tanam, tanah tidak elok, pembajaan yang tidak betul kerana ada baja dengan harapan pokok cepat besar, tanah yang terlalu padat dan tiada kawalan serangga perosak.

Bagi anak pokok pula ia dijual pada harga RM8.50 sepokok yang mana ia adalah antara yang terendah di pasaran pada usia yang ditetapkan MPOB.

Dengan dikendalikan seorang penyelia, tiga mandor dan sebelas pekerja, tapak semaian FASSB di Bukit Tongkat, turut menjual anak pokok kepada pelanggan yang walk-in. Bagaimanapun ia bergantung kepada kuantiti dimiliki dengan jumlah mampu disediakan sehingga 1,000 anak pokok.

Ini dapat dilakukan kerana dengan kelulusan dimiliki, tapak semaian berkenaan memaksimumkan penggunaan tanah bagi tujuan menyemai.



Biji benih bercambah berkualiti tinggi Dxp Yangambi ML161 digunakan bagi menghasilkan anak pokok untuk kegunaan FELDA dan jualan kepada penanam sawit luar.



PENGURUS dan Penyelia Tapak Semaian FASSB memperlihatkan anak pokok yang berumur empat bulan baru dipindahkan kedalam polibeg besar dan disusun mengikut aturan yang ditetapkan di tapak semaian.



Biji benih bercambah disemai dalam 'Potting Tray' untuk selama tiga bulan sebelum anak pokok itu dialih ke dalam polibeg besar.



MAT Jailani dan isteri bergambar bersama trofi dan sijil yang dimenangi pada Majlis Anugerah Industri Sawit Malaysia 2009/10 untuk kategori Pekebun Kecil Tersusun Terbaik di Kuala Lumpur, baru baru ini.



MAT Jailani bersama Pegawai TUNAS membincang berkaitan mutu tandan buah sawit selepas penuaian.

Oleh Haryani Ngah
aryani@bharian.com.my

Mat Jailani pemaju masyarakat kebun kecil

Tahun 2010, purata hasil BTS capai 40.56 tan sehektar

MELIHAT keadaan ladang milik pekebun Cina yang lapang dengan kaedah penanam yang teratur memberi ilham Mat Jailani Arshad @ Alit untuk mengikut cara itu.

Biarpun rata-rata pekebun yang ditemuinya mengatakan penanam pokok sawit secara rapat adalah lebih baik berbanding tanaman yang jarang, namun dia percaya apa yang dilihat di ladang milik pekebun Cina akan memberinya hasil tinggi berbanding sebelumnya.

Ternyata, apa yang dilihat dan dilaksanakan memberi pulangan memberangsangkan dan usaha dilaksanakannya itu terbukti berkesan.

Kini dia boleh tersenyum dengan apa yang diraihinya dan berdasarkan rekod, pada 2009, Mat Jailani memperoleh hasil Buah Tandan Segar (BTS) perhektar setahun 35.56 tan, manakala tahun lalu hasil diperolehi meningkat kepada 40.56 tan/perhektar dan jumlah itu melebihi purata penghasilan tanaman sawit pekebun kecil lain pada masa ini.

Bukan mudah untuk meraih hasil BTS yang tinggi tanpa kecekapan penanaman dan pengurusan kebun, bagaimanapun Mat Jailani membuktikan dia mampu melaksanakan.

Usaha dan kesungguhannya itu mendapat pengiktirafan apabila dipilih menerima Anugerah Industri Sawit Malaysia 2009/10 bagi kategori Pekebun Kecil Sawit Terbaik Agensi Kerajaan dan dilantik sebagai Pemaju Masyarakat Kebun Kecil Sawit oleh RISDA.

Menceritakan pengalamannya terbabit dalam penanam sawit, bapa kepada enam orang cahaya mata itu berkata, pada mulanya beliau bekerja membantu bapanya sebagai pemandu traktor.

"Pada peringkat awal bekerja saya tidak begitu serius. Bagaimanapun selepas berkahwin pada 1989, saya mula memberi tumpuan kepada penanam sawit. Semangat untuk berusaha lebih gigih mula timbul ketika isteri saya hamil anak sulung," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Sungai Lesong, Kampar, Perak.

Sejak detik itu, Mat Jailani tidak menoleh ke belakang dan bermula dengan mengusahakan kebun pusa-pena peninggalan arwah bapanya seluas 25.63 hektar.

Kemudiannya, atas usaha untuk meningkatkan pendapatan, beliau mengusahakan kebun yang dipajak milik Koperasi Peladang Kampung Temoh Perak Berhad seluas 7.3 hektar secara agihan keuntungan mengikut formula 35:65.

Usaha itu terus dikembangkan apabila beliau turut memajak kebun milik Persatuan Peladang Sungai Lesong, Simpang Empat, Kampar membabitkan keluasan 20.23 hektar dengan peratus agihan keuntungan mengikut nisbah 40:60 iaitu 40 peratus untuk persatuan manakala baki menjadi miliknya.

"Sekarang saya mengusahakan kebun sawit seluas 200 ekar di mana 70 ekar adalah tanah kebun milik

PROFIL

NAMA: Mat Jailani Arshad @ Alit
UMUR: 46 tahun
ALAMAT: Lot 2740, Kg. Sg. Lesong, Simpang 4, 31950 Kampar, Perak
PEMBABITAN DALAM AKTIVITI SOSIAL:
● Ketua Pemaju Masyarakat Risda Kawasan, Risda Daerah Batang Padang Perak (Tengah)
● Ketua Unit PPK Kawasan Sg. Lesong, Pertubuhan Peladang Kawasan Tapah.
● Ahli Jawatan Kuasa PIBG SRK Sg. Lesong.
● Anugerah Pekebun Kecil Jaya Peringkat Semenanjung Tahun 2002

sendiri dan keluarga manakala 130 ekar lagi dipajak.

"Pada peringkat awal penanam sawit, saya tidak mendapat sebarang maklumat berkaitan cara penanam serta kendalian yang betul

dan melakukannya mengikut maklumat diperoleh sendiri.

"Bagaimanapun, bermula tahun 2002 keadaan mula berubah, pertemuan dengan pegawai TUNAS kawasan banyak membantu saya dalam meningkatkan hasil sawit," katanya yang rajin mengikut kursus dan latihan yang dianjurkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Berdasarkan khidmat nasihat Pegawai TUNAS, ceramah dan yang yang disertainya, Mat Jailani melakukan amalan agronomi mengikut kaedah yang betul.

Bagi memastikan hasil yang diperolehi tinggi, dia menanam sawit menggunakan anak benih yang dibeli dari tapak semeaian yang diiktiraf dan mengikut saranan MPOB.

"Walaupun mempunyai pekerja seramai 10 orang di mana enam

orang adalah pekerja tempatan dan empat lagi pekerja asing tetapi untuk aktiviti membaja, saya lakukan dengan sendiri bagi memastikan baja yang diterima pokok adalah mengikut sukatan yang betul.

"Saya melakukan pembajaan sebanyak tiga kali setahun dengan kadar 2.5 kilogram sepokok pada setiap kali pembajaan.

"Saya menggunakan baja MPOB F1 sejak tahun 2003 untuk meningkatkan hasil dan kini menukarkan kepada MPOB F4," katanya yang turut menjadi pembekal baja itu di kawasan.

Untuk memperoleh buah banyak, beliau mengambil inisiatif menukar baja kimia kepada baja CRP untuk memulihkan akar.

Bagi aktiviti pemangkasan daun, Mat Jailani akan memastikan ia tidak lakukan secara berlebihan terutama bagi pokok bawah 5 tahun dan mengelak daripada memangkas daun hijau. Ini kerana, daun hijau sangat penting dalam membantu pembesaran buah.

Pengendalian buah dilakukan dengan baik di mana buah tandan segar dilakukan dalam masa 24 jam. Buah dipotong mengikut standard kemasakan antara satu hingga empat buah leri, manakala buah leri dikutip sepenuhnya.

Ladang milik Mat Jailani sememangnya cantik dan terurus, malah beliau turut menyediakan kemudahan di ladang termasuk sistem perparitan, jalan dalam kebun /lorong tuai dan platform /jalan besar ke kebun.

Selain aktiviti penanam kelapa sawit, beliau meningkatkan sumber ekonominya dengan menternak ikan air tawar.

Berbekalkan bantuan 16 kolam yang diberi Pertubuhan Peladang Tapah dalam bentuk geran, projek agrikultur itu memberikan keuntungan memberangsangkan setiap pusingan jualan. Antara ikan peliharaannya ialah keli dan puyu.

Mat Jailani juga adalah seorang yang aktif, selain menjadi ahli Kelab 30 tan, beliau juga aktif dalam aktiviti Pertubuhan Peladang Kawasan Tapah dengan memegang jawatan penting antaranya sebagai ketua unit peladang Sungai Lesong dan turut menjawat jawatan Pemaju Masyarakat di dalam RISDA.



Mat Jailani bersama isteri memberi makan ikan ternakan yang diusahakan sebagai aktiviti sampingan kepada tanaman sawitnya.

Oleh Habsah Dinin
ecah@bharian.com.my

Khasiat nutrasetikal jus sawit

Kandungan ada bahan anti-kanser, anti-diabetik dan anti-antrogenik

BANGI: Nampaknya buah sawit bukan saja mampu menghasilkan minyak sawit tetapi juga minuman jus sawit yang banyak khasiatnya.

Kajian sekumpulan penyelidik MPOB yang diketuai Dr Ravigadevi Sambanthamurti bersama Dr Tan Yew Ai, Dr Kalyana Sundram, dr Leow Soon Sen dan Dr Syed Fairus Syed Abu Bakar mendapati, jus sawit mengandungi bahan anti-kanser, anti-diabetik dan anti-antrogenik (ejen penghalang penyumbatan salur darah) yang sangat berguna kepada industri nutrasetikal sejagat.

Seorang penyelidik berkenaan, Syed Fairus, berkata daripada kajian dilakukan terhadap jus sawit sejak lewat 1990-an mendapati jus ini mengandungi dua bahan utama iaitu flavonoid dan asid fenolik yang mana kedua-dua bahan ini berperanan bertindak sebagai anti-kanser, anti-diabetik dan juga anti-antrogenik.

"Setakat ini ujian ke atas tiga model haiwan iaitu mencit, tikus dan arnab menunjukkan kesan positif bagi ketiga-tiga fungsi nutrasetikal yang disebutkan," katanya.

Syed Fairus menambah, kini pihak MPOB sedang menunggu kelulusan Kementerian Kesihatan untuk menjalankan ujian klinikal fasa pertama ke atas manusia yang dijangka dilakukan dalam masa terdekat.

Katanya, penyelidikan mengenai potensi nutrasetikal jus sawit atau juga dikenali sebagai jus fenolik

sawit dijalankan penyelidik MPOB dengan kerjasama Institut Teknologi Massachusetts (MIT) dan University of Brandeis, Amerika Syarikat; Pertubuhan Penyelidikan Industri dan Saintifik Komanwel (CSIRO) di Australia serta Fakulti Perubatan Universiti Malaya.

Beliau menambah, penemuan ini sekali gus membuktikan buah sawit selain mampu menghasilkan minyak sawit, ia juga boleh digunakan untuk menghasilkan jus minuman yang bukan saja kaya dengan pelbagai vitamin tetapi mengandungi elemen nutrasetikal penting dalam pemeliharaan kesihatan manusia.

Bagaimana jus sawit diperolehi?

"Dalam sabut sawit mengandungi 15 peratus kandungan air dan selebihnya ialah minyak dan lemak sawit. Sewaktu proses pemerahan, air ini diasingkan untuk melalui proses pengempuran dan penapisan berperingkat.

"Proses penapisan berperingkat bertujuan mengasingkan benda asing dan kemudiannya produk yang terkumpul akan melalui beberapa siri proses penapisan berteknologi tinggi bagi tujuan penulenan pro-

duk dan penentuan kepekatan jus yang dikehendaki.

"Kepekatan jus peringkat awal yang dikumpul di Loji Rintis Antioksidan Fenolik di Labu, Negeri Sembilan, ialah sekitar 1,500 ppm GAE (unit kesetaraan asid galic) dengan warna dan rasanya seakan-akan air gula melaka," beritahu Syed Fairus.

Setakat ini proses penapisan bagi mendapatkan produk akhir memakan masa hampir 8 jam dan MPOB sedang berusaha meningkatkan keefisienan loji rintis ini, dan jus sawit yang dihasilkan MPOB ini adalah pertama seumpamanya di dunia.

Selain mengandungi bahan anti-kanser, anti-diabetik dan anti-athe-rogenik, jus sawit atau jus fenolik ini juga mengandungi asid shikimic iaitu komponen penting yang digunakan dalam pembuatan Tamiflu.

PENYELIDIK MPOB, Dr Syed Fairus Syed Abu Bakar menunjuk Jus Sawit atau juga dikenali sebagai Jus Fenolik Sawit yang mengandungi bahan anti-kanser, anti-diabetik dan anti-antrogenik yang berguna kepada industri nutrasetikal sejagat.



BERITA RINGKAS

Serangan kumbang badak

PENEROKAFelda Lui Muda, Jempol, Negeri Sembilan, yang tanaman sawit mereka diserang kumbang badak sejak pertengahan tahun lalu, buntu selepas pelbagai cara menghapuskannya menemui kegagalan. Sehubungan itu, MPOB menasihatkan peneroka berkenaan menyelamatkan pokok mereka dengan menggunakan jenama racun yang mempunyai bahan aktif *cypermethrin* dan disembur dua kali sebulan sehingga kumbang perosak itu hilang. Pegawai itu juga menasihatkan supaya menggunakan 'Perangkap Feromon' dan diletakkan setiap satu perangkap bagi setiap dua hektar tanaman sawit bagi memerangkap kumbang perosak itu.

ECT kesan kandungan air

SEKUMPULAN penyelidik Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berjaya merekacipta peralatan yang dikenali sebagai *Electric Capacitor Thermography* (ECT) bagi mengesan kandungan air yang dianggap 'impurity' dalam minyak sawit. Kandungan 'impurity' yang tinggi menyebabkan kemerosotan mutu minyak sawit. Teknologi baru ini berupaya mengesan kandungan air dalam minyak sawit dengan cepat dan tepat berbanding teknologi konvensional yang memakan masa dua atau tiga hari. Teknologi ini memenangi Medal Emas dan *Best of The Best Award* pada MTE 2011 di Kuala Lumpur, baru baru ini.

Tidak beli buah sawit muda

PERSATUAN Peniaga Buah Sawit Muar/Ledang, Johor, bersepakat tidak akan membeli dan berurusan dengan buah sawit muda berkuat kuasa serta merta kata Pengerusinya, Mohd Janis Abu Bakar. Katanya, ia adalah untuk mematuhi syarat sekatan lesen MPOB yang melarang berurusan ke atas buah sawit muda. Pihaknya menyokong sepenuh larangan itu dan menasihatkan pekebun kecil supaya tidak menuai buah muda. Sekiranya ada buah sawit muda dihantar, pihaknya tidak akan membeli. Tindakan dan keputusan itu dibuat ahli persatuan itu bagi menyokong usaha MPOB meningkatkan Kadar Perahan Minyak (OER) kepada 23 peratus menjelang tahun 2020.

Peneroka FELCRA tidak miskin

PENGERUSI Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan (FELCRA), Datuk Tajuddin Abdul Rahman, berkata seramai 92,537 atau 99 peratus peserta FELCRA berjaya keluar daripada garis kemiskinan tegar sepanjang tahun lalu. Pendapatan purata peneroka kini sekitar RM500 hingga RM2,000 sebulan mengikut keluasan tanah dimiliki berikutan kenaikan harga minyak sawit sepanjang tahun lalu. Pendapatan dividen peserta akan meningkat antara 20 hingga 30 peratus tahun ini jika harga komoditi itu terus kekal tinggi sehingga akhir tahun.



SKIM DISKAUN CANTAS

KEGUNAAN CANTAS

Untuk menuai tandan dan memotong pelepas sawit serta terbukti amat berkesan meningkatkan keberkesanan penuaian.



Jimat RM1000!!!

Untuk setiap unit pembelian pemotong sawit bermotor (Cantas)

KEBAIKAN CANTAS

- Pantas - masa bekerja yang cepat, dapat menuai lebih banyak tandan sawit dan boleh melakukan kerja-kerja lain serentak
- Jimat tenaga - tidak melelahkan dan dapat memanjangkan masa bekerja
- Mudah - mampu dikendalikan oleh wanita dan warga emas
- Bergaya - boleh menarik minat anak muda untuk bekerja di ladang sawit
- Meningkatkan produktiviti penuaian
- Meningkatkan pendapatan bagi yang mengambil upah persendirian
- Boleh menjadi kontraktor mengambil upah menuai di kebun orang lain

SIAPA YANG LAYAK?

1. Warganegara Malaysia atau pemastautin tetap (PR)
2. Individu/eniti yang menuai kebun sawit milik pekebun-pekebun kecil dengan jumlah keluasan lebih daripada 50 hektar** atau lebih atau keluasan yang munasabah bergantung kepada persekitaran, lokasi dan topografi atau lain-lain sebab yang diputuskan oleh MPOB
3. Kelengkapan aras tuai pokok sawit tidak melebihi 3 meter (10 kaki) menggunakan Cantas.
4. Lot-lot yang dituai mempunyai lesen MPOB (kecuali peserta rancangan tersusun)

**** Terkini : Bagi pekebun kecil persendirian yang menuai kebun sendiri, minimum keluasan penuaian adalah 2ha**

BAGAIMANA MEMOHON ?

Pemohonan melalui borang boleh dibuat melalui Pegawai TUNAS di kawasan anda

UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI

Shellyza Mohd Ishak (Tel: 03-8769 4549/012-695 8207)

Norul Asikin Ab Rahim (Tel: 03-87694549/017-302 7232)

TUNGGU APA LAGI?! SIAPA CEPAT DIA DAPAT



MPOC, MPOB anjur seminar dan pameran di Korea Selatan 2011

Malaysia-South Korea Palm Oil Trade Fair and Seminar 2011

POTS

Enhancing Global Oils and Fats Businesses Through Malaysian Palm Oil

Renaissance Seoul Hotel • 12-13 April, 2011

HIGHLIGHTS:

- Exciting line-up of seminar papers
- Business venture opportunities in palm oil related industries in South Korea
- Business meetings (BIZMatch)
- Networking opportunity with participants from South Korea
- Showcase of companies / Products & Sponsorship opportunities

Organized by:

For more information, please contact:

<p>Malaysian Palm Oil Council 2nd Floor, Wisma Sawit, Lot 6, SS 6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor. Tel : 603-7806 4097 Fax : 603-7806 2272 Email : desmond@mpoc.org.my lim@mpoc.org.my Contact : Desmond Ng / Lim Teck Chai</p>	<p>Malaysian Palm Oil Board No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor. Tel : 603-8769 4400 Fax : 603-8925 9446 Email : aznizan@mpob.gov.my Contact : Nik Mohd. Aznizan Nik Ibrahim</p>
--	--

MAJLIS Minyak Sawit Malaysia (MPOC) bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Korean Society of Food Science and Technology (KoSFoST) akan menganjurkan Seminar dan Pameran Antarabangsa Perdagangan Minyak Sawit (POTS Korea) di Hotel Renaissance Seoul pada 12-13 April 2011. POTS Korea Selatan merupakan lanjutan daripada siri seminar dan pameran POTS yang telah dianjurkan di Malaysia, China, Turki, Mesir, Russia, Jepun, Pakistan dan India. Seramai 200 peserta dijangka akan menghadiri seminar ini.

Fokus utama POTS Korea ialah untuk mengukuhkan pasaran minyak sawit Malaysia di Korea Selatan di samping mencari peluang-peluang baru perniagaan dengan menyediakan platform yang seragam untuk interaksi di antara pihak-pihak industri sawit. Seminar ini akan memberi pelbagai peluang kepada pihak-pihak industri, peniaga, ahli ekonomi, pemborong dan pengguna untuk bertemu dan membincangkan perkembangan dan peluang terbaru di dalam industri minyak sawit Malaysia dan perniagaan di Korea Selatan dan negara-negara serantau. Di samping itu, pameran barangan buatan minyak sawit juga akan diadakan. Antara pihak yang bekerjasama dengan MPOC adalah Sime Darby Plantations Sdn Bhd, Green Ocean Corporation Bhd, Ipalm (Malaysia) Sdn Bhd, Lipochem (Malaysia) Sdn Bhd, Kwantas Corporation Bhd dan Woori Investment & Securities.

Penggunaan per kapita minyak sayuran dan lemak di Korea Selatan pada tahun 2010 adalah sebanyak 25.8kg. Jumlah ini lebih tinggi berbanding purata penduduk dunia iaitu kira-kira 24.8 kg. Untuk menampung permintaan yang tinggi ini, Korea Selatan mengimport kira-kira 884,000 metrik tan minyak sayuran dan lemak dunia. Sebanyak 32% daripada jumlah keseluruhan minyak sayuran dan lemak import Korea Selatan merupakan minyak sawit.

Import minyak sawit dari Malaysia ke Korea Selatan meningkat secara berperingkat semenjak tahun 2006 seiring dengan pertumbuhan jumlah penduduk di Korea Selatan yang menunjukkan pertumbuhan yang ketara semenjak 1948. Melalui pertumbuhan ekonomi yang membarangsangkan, Korea Selatan kini mempunyai jumlah penduduk 48.5 juta orang. Jumlah penduduk ini serta kepelbagaian etnik dan budaya memberi potensi yang besar terhadap permintaan minyak sayuran dan lemak tempatan. Tambahan pula, ketiadaan duti import melalui perjanjian perdagangan bebas ASEAN - Korea Selatan yang ditandatangani pada tahun 2009 menggalakkan lagi import minyak sawit Malaysia. Semenjak tahun 2006 hingga tahun 2010 import minyak sawit dari Malaysia meningkat sebanyak 30% iaitu daripada 216,155 tan ke 318,471 tan.

Melihat kepada potensi ekonomi yang baik di antara Malaysia dan Korea Selatan, POTS Korea Selatan dijangka bakal menjana permintaan yang lebih tinggi terhadap minyak sawit Malaysia dan produk-produk sampingan yang lain seperti dedak isirung sawit dan produk-produk olekimia. Tambahan pula, POTS Korea Selatan adalah seiring dengan lawatan kerja Yang Berhormat Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Malaysia, ke Seoul dan Taipei.

NKEA industri sawit jana banyak kebaikan

BIDANG Ekonomi Utama Negara atau ringkasnya NKEA merupakan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang dirancang oleh kerajaan untuk melonjak pertumbuhan ekonomi dan mentransformasikan Malaysia daripada negara berpendapatan sederhana kepada negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Pihak kerajaan amat menyedari bahawa industri sawit merupakan tulang belakang ekonomi-ekonomi negara. Justeru itu, industri sawit telah dimasukkan di bawah NKEA. Langkah ini telah membawa banyak kebaikan kepada industri sawit itu sendiri.

Hal ini kerana di bawah Program Transformasi Ekonomi negara, in-

PEMENANG PERTAMA

NURUL FADZLINA BT MOHD KHAIRUDDIN
(No. K/P: 951205-06-5208)
SEKOLAH MENENGAH AGAMA TAHAP, 27000 JERANTUT, PAHANG

dustri sawit akan berdaya saing secara proaktif sekaligus mengukuhkan ekonomi negara.

Secara umumnya NKEA industri sawit mengenal pasti lapan Projek Permulaan (EPP) yang merangkumi sektor huluhan bagi peningkatan produktiviti hingga hiliran bagi pengeluaran produk tambah nilai. Melalui pelaksanaan kesemua EPP itu, kerajaan menganggarkan berupya menjana RM178 bilion Pendapatan Negara Kasar pada tahun 2020 bagi industri sawit.

Di bawah NKEA industri sawit, kerajaan telah menyasarkan kilang yang memproses buah sawit bagi menghasilkan minyak sawit mentah perlu mencapai 23 peratus Kadar Perahan Minyak (OER) menjelang tahun 2020. Langkah meningkatkan OER itu adalah EEP ke-4 daripada lapan EEP industri sawit yang telah dikenal pasti.

Di samping itu, kerajaan juga turut menetapkan sasaran kepada pekebun kecil sawit persendirian untuk menghasilkan 26 tan sehektar Buah Tandam segar (BTS) menjelang tahun 2020. Sasaran untuk meningkatkan penghasilan BTS adalah merupakan EPP ke-2 yang dikenal pasti bersama tujuh lagi EPPs lain di bawah NKEA.

Melalui pelaksanaan EPP2 ini, kerajaan menganggarkan industri sawit akan berupaya menjana Pendapatan Negara Kasar berjumlah RM10.2 bilion, membuka 1600 peluang kerja baru dan meningkatkan pendapatan pekebun kecil seluruh negara sebanyak 47 peratus pada tahun 2020.

Pendapatan yang dihasilkan dari kenaikan harga minyak sawit telah menyumbang kepada peningkatan ekonomi bandar-bandar kecil dan kawasan pedalaman. Hal ini telah memberikan sumber pendapatan dan peluang pekerjaan yang tetap bagi rakyat Malaysia.

Selain itu, seperti yang kita sedai maklum, industri makanan berasaskan minyak sawit di negara ini telah mengalami perkembangan yang pesat dan permintaan yang semakin meningkat dari setahun ke setahun. Kejayaan industri sawit di bawah NKEA sememangnya akan menjadi transformasi kepada ekonomi negara dalam bidang makanan yang menjadi sumber makanan utama di dunia.

Kesimpulannya, industri sawit yang dimasukkan di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) akan membawa banyak kebaikan. Selain mengukuhkan kedudukannya sebagai tulang belakang ekonomi negara, produktiviti akan terus dipertingkatkan secara berterusan bagi mengekalkan persaingan dengan negara-negara pengeksport minyak sawit.

Segala langkah dan usaha yang diambil menjadi tunjang bagi peningkatan daya saing industri sawit negara di samping menjadikan Malaysia sebagai peneraju hab industri sawit dunia untuk jangka masa panjang.

“Industri sawit yang dimasukkan di bawah NKEA membawa banyak kebaikan. Selain mengukuhkan kedudukannya sebagai tulang belakang ekonomi negara, produktiviti akan terus dipertingkatkan secara berterusan bagi mengekalkan persaingan”

Peraduan mengarang esei Berita Sawit bulan April 2011

PERADUAN ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Tajuk: **“Tanam semula sawit tidak produktif akan meningkatkan produktiviti. Bincangkan.”**

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;

Hadiah Pertama : RM250

Hadiah Kedua : RM200

Hadiah Ketiga : RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan April 2011 akan datang.

Syarat Penyertaan:

1. Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
2. Panjang esei di antara 450 hingga 600 patah perkataan
3. Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)

4. Keputusan juri adalah muktamad
5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 23 April 2011
6. Hantarkan penyertaan ke alamat:

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit
Ibu Pejabat MPOB
Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad
(Unit Perhubungan Awam)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Mac 2011

Pemenang:

Hadiah Pertama
Nurul Fadzlina Mohd Khairuddin
(No. K/P: 951205-06-5208)
SM Agama Tahap,
27000 Jerantut, Pahang

Hadiah Kedua
Wan Nurul Amira Wan Saa'dun
(No. K/P: 960618-06-5796)
SMK Paya Besar,
K.M. 7, Jalan Gambang,
25150 Kuantan, Pahang

Hadiah Ketiga
Muhamad Zulazreen Ab Samad
(No. K/P: 950831-01-63337)
SMK Bukit Nanning, Air Hitam,
84200 Bakri,
Muar, Johor

KUIZ

KUIZ SAWIT SIRI 4



SYARAT PENYERTAAN

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 25 April 2011
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon dan alamat sekolah yang lengkap kepada :

■ **Ketua Pengarang Berita Sawit**
Kuiz Sawit (Siri 4)
Ibu Pejabat MPOB
Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur
(UP: Rashidah Mat Nor)
Atau melalui Faks :03-89264572

SOALAN KUIZ

(Jawapan boleh dirujuk dalam Berita Sawit)

1. Apakah Nama Ketua Pengarah MPOB?

- Y. Bhg. Datuk Dr Choo Yuen May
 YB Tan Sri Bernard Dompok
 YB Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad

2. Namakan negeri pengeluaran minyak sawit terbesar di Malaysia?

- Perlis
 Sabah
 Selangor

3. Malaysia adalah mengeksport minyak sawit terbesar di dunia?

- Betul
 Salah

4. Namakan negara pengeluaran minyak sawit terbesar di dunia?

- Vietnam
 Malaysia
 Indonesia

5. Minyak sawit adalah minyak sayuran

- Betul
 Salah

6. Apakah maksud bagi MPOA dalam Bahasa Melayu?

- Persatuan Minyak Sawit Malaysia
 Persatuan Minyak MPOB
 Persatuan Sawit 1 Malaysia

7. Apakah nama kulat yang merupakan penyakit kanser bagi pokok sawit?

- Ganoderma
 Psifera
 Cendawan Kukur

8. Nyatakan nama penuh bagi PLASMA?

- Pusat Latihan Malaysia
 Pusat Antarabangsa Malaysia
 Pusat Latihan Sawit Malaysia

9. Apakah maksud cuaca El Nino?

- Panas
 Panas Melampau
 Hujan Lebat

10. Minyak isirong sawit digunakan dalam industri oleokimia

- Betul
 Salah

BORANG PENYERTAAN

- Nama : _____
■ Tahap : _____
■ Alamat Sekolah: _____

■ No. Tel: _____
■ Tandatangan Guru: _____

Pemenang Kuiz Sawit Siri 3

1. Muhammad Sharifudin Abd Karim, Sek Keb Rengit, Batu Pahat, Johor
2. Anisah Lani, Sek Keb Seri Setia, Pontian, Johor
3. Nurzaharah Aziz, Sek. Keb. Desa Putra Sg Merab, Kajang, Selangor
4. Nur Atikah Abd. Rahman, Sek. Keb. Sg. Buluh, Selangor
5. Nur Syalisa Sahumi, Sek Keb Sri Berang, Hulu Terengganu, Terengganu
6. Amirul Irfan Mohd Zaidi, Sek Sri Al-Amin, Bangi, Selangor
7. Muhammad Yusof Hushaini, Sek Keb Seri Duyung, Duyung, Melaka



TAN Sri Bernard Dompok melawat gerai pameran produk biomas sawit selepas perasmian Conference On New Business Opportunities in Oleochemicals, Biomass Sector & Nutraceuticals di Kota Kinabalu. Turut kelihatan, Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abd Samad (kanan), Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kiri) dan Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Khidmat Korporat, Dr Burhanuddin Abdul Salam (dua dari kanan).



TAN Sri Bernard Dompok menyampaikan surat kelulusan bantuan tanam semula peneroka FELDA kawasan Parlimen Tenggara, Johor di bawah Skim Insentif Tanam Semula Sawit (SITS) kepada Ahli Parlimen Tenggara, Datuk Halimah Mohamed Sadique. Turut kelihatan, Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abd Samad (kanan) dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kiri).



PENGERUSI MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abd Samad (kanan) bersama Pengarah Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan, Idris Omar (tengah) berbincang dengan wakil pekebun kecil sawit Merlimau, Melaka bagi membantu meningkatkan produktiviti dan hasil pengeluaran sawit.



PENGERUSI MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abd Samad (kanan) mempengerusikan perbincangan mengenai perkembangan sektor tapak semaian sawit dengan delegasi Persatuan Pengusaha Semaian Sawit Malaysia (MOPNA) yang diketuai Presidennya, Azhari Wasi (dua dari kanan).



KETUA Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May menerima kunjungan 'Head of Consular and Immigration Department, Nigeria Embassy in Kuala Lumpur, Ms Francisca O.A. Marinho (kiri) ke Ibu Pejabat MPOB baru ini bagi membincangkan kerjasama dalam bidang berkaitan industri sawit.



KETUA Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kanan) mempengerusikan majlis dialog antara MPOB dan Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA) membincangkan keutamaan penyelidikan bagi industri sawit. Turut kelihatan Pengerusi MPOA, Datuk Abdul Wahab Maskan (tiga dari kanan), Ketua Eksekutif MPOA, Dato' Mamat Salleh (kiri)